



## MAJLIS PERBANDARAN Pengerang

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di **Majlis Perbandaran Pengerang**:-

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
1.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Tetap	1	Pengurusan dan Profesional	Sistem Maklumat
2.	Penolong Juruukur Bahan	JA29	Tetap	1	Pelaksana	Kejuruteraan
3.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP29	Tetap	1	Pelaksana	Keselamatan dan Pertahanan Awam
4.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	Tetap/ Kontrak	3	Pelaksana	Sistem Maklumat
5.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Tetap/ Kontrak	4	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan
6.	Pembantu Juruaudit	W19	Tetap	1	Pelaksana	Kewangan
7.	Pemandu Kenderaan	H11	Tetap/ Kontrak	6	Pelaksana	Kemahiran
8.	Arkitek	J41	Kontrak	1	Pengurusan dan Profesional	Kejuruteraan
9.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	Kontrak	1	Pelaksana	Kejuruteraan
10.	Penolong Pegawai Pertanian	G29	Kontrak	1	Pelaksana	Pertanian
11.	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA29	Kontrak	2	Pelaksana	Kejuruteraan
12.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Kontrak	3	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan
13.	Penolong Pegawai Undang-Undang	L29	Kontrak	2	Pelaksana	Perundangan dan Kehakiman
14.	Pembantu Operasi	N11	Kontrak	3	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan

## CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Pengerang melalui pautan <https://forms.gle/jKR2JjKpBCYzLtRn7> atau imbas *QR Code* dibawah:



**BORANG PERMOHONAN  
JAWATAN KOSONG  
MAJLIS PERBANDARAN PENERANG**

2. Semua permohonan hendaklah disertakan :-
  - i. Ringkasan maklumat peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja (*resume*),
  - ii. Salinan kad pengenalan yang telah disahkan,
  - iii. Salinan sijil lahir yang telah disahkan,
  - iv. Salinan sijil tamat persekolahan/ sijil berhenti sekolah yang telah disahkan,
  - v. Salinan sijil pendidikan tertinggi (Ijazah/ Diploma/ STPM/ SPM/ PMR) yang telah disahkan, dan
  - vi. Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui laman web interaktif <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)
3. Permohonan bagi **jawatan Gred 29 dan ke atas** hendaklah disertakan dengan 'video resume' sebagaimana berikut :
  - i. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
  - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
  - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:
    - Ringkasan Latar belakang keluarga pemohon
    - Ringkasan latar belakang pendidikan pemohon
    - Ringkasan pengalaman kerja pemohonan
    - Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon
    - Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon
    - Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon
    - Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
    - Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.

- Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
  - Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon
4. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif dan hendaklah dimuatnaik ke dalam borang permohonan. Sila pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama pemohon/No.KP dan jawatan dipohon (*rename*). [Ali bin Abu\_000130015213\_Penolong Pegawai Tadbir N29]
  5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan) yang perlu di bawa semasa temuduga.
  6. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil ujian – ujian yang berkaitan berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak dan melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk di temuguda. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
  7. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Bahagian Sumber Manusia bagi saringan psikologi.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 14 OGOS 2023**

**PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:**

1. Borang permohonan yang tidak lengkap.
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
3. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
4. Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
5. Pemohon tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.

**(HAJAH ZIHAN BINTI ISMAIL)**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Pengerang

*hzi/nay/iklanjawatankosong*